

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN PENILAIAN TERHADAP MASA DEPAN BUSHIDO

5.0. Rumusan Kajian

Berdasarkan kenyataan-kenyataan dan catatan-catatan yang dibincangkan di dalam bab satu hingga bab empat, secara umum dapatlah dikatakan bahawa sememangnya semangat *bushido* memainkan peranan yang penting di dalam menyumbang kepada pembinaan peradaban Jepun pada zaman kontemporari.

Kod *bushido* pernah hidup subur di zaman pertengahan Jepun terutamanya di era pemerintahan shogun Tokugawa. Namun selepas zaman pertengahan, kod kehulubalangan ini menemui garisan penamatnya terutama selepas feudalisme ditamatkan di Jepun pada 1870. Kemudiannya, tidak ada satu institusipun yang memelihara kod *bushido* apatah lagi dengan rentuhnya kelas kesateriaan di Jepun.

Walaupun begitu, *bushido* masih terus hidup kerana meskipun kelas kesateriaan telah dibubarkan namun manusia dari kelas tersebut masih hidup malah mulai menyerap ke dalam masyarakat Jepun secara keseluruhannya. Disinilah bermulanya titik awal penyebaran semangat *bushido* kepada seluruh bangsa Jepun. Pendek kata, sebagai satu sistem, *bushido* telah mati tetapi sebagai keluhuran budi, semangatnya masih terus menyala malah mulai merebak ke seluruh bangsa Jepun.

Lazimnya tuhan telah mengutus seorang nabi ke dalam sesebuah bangsa untuk memberi petunjuk dan arah tuju dalam kehidupan. Bagi orang Jepun pula, hanya *bushido* yang mampu menjadi landasan arah tuju mereka dalam membina semula tamadunnya yang telah hampir musnah selepas Perang Dunia Kedua. Jelasnya, walaupun mereka tidak mempunyai nabi yang memberi pemahaman tentang kewujudan alam dan ketuhanan, menekankan persoalan moral dan etika sebagai bimbingan dalam mencapai kehidupan yang lebih sempurna tetapi sudah memadai dengan kewujudan para samurai yang membawa keindahan, kemurnian dan kekuatan serta kesenangan di dalam hidup bangsa Jepun.

Semangat *bushido* telah memainkan peranan yang penting dalam membentuk bangsa Jepun yang berkualiti bagi menggerakkan sektor ekonominya sehingga mencapai kecemerlangan setanding dengan negara-negara barat.

Di dalam bab yang kedua telah diterangkan bahawa dengan pengaplikasian semangat *bushido* oleh Oligarki Meiji, maka negara Jepun mampu dibangunkan semula dan mulai memasuki arena politik antarabangsa. Pendek kata, *bushido* bukan sahaja membawa nilai etika dan moral yang tinggi kepada bangsa Jepun tetapi ia juga telah membawa semangat, tenaga dan kuasa bagi membina peradaban Jepun di zaman kontemporari.

Kemenangan Jepun dalam perang dengan China, Rusia, Manchuria dan penglibatan militeri Jepun dalam Perang Dunia Kedua telah menjadi manofestasi terhadap pengaplikasian semangat *bushido* oleh bangsa Jepun. Menurut Inazo Nitobe ;

“Senapang dan meriam dari barat tidak akan dapat memberi manfaat seandainya tidak disusuli dengan semangat yang tinggi di kalangan bangsa Jepun. Pendidikan yang moden pula tidak akan mampu mengubah si pengikut menjadi wira jika tidak disusuli dengan semangat *bushido*.¹”

Dalam bab yang ketiga, dijelaskan bahawa dengan adanya semangat *bushidolah* maka bangsa Jepun dapat membangunkan ekonomi negara meskipun dalam keadaan yang terlalu tertekan iaitu selepas Perang Dunia Kedua. Keadaan yang begitu menghimpit dan negara yang porak peranda akibat kesan perang telah sekali lagi membawa bangsa Jepun kembali kepada peradaban silamnya dan mengambil nilai-nilai serta semangat *bushido* sebagai landasan untuk membangunkan semula negara Jepun. Hakikatnya dalam jangkamasa tiga puluh tahun sahaja, Jepun telah berjaya meletakkan ekonominya setara dengan negara barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Jerman dan sebagainya.

Seterusnya di dalam bab keempat pula, telah dibincangkan tentang kesan peranan semangat *bushido* di dalam budaya hidup orang Jepun sama ada dari aspek ekonomi, politik dan sosial. Jelasnya, corak hidup dan budaya orang Jepun hari ini menjadi kekaguman bangsa-bangsa lain di dunia.

Artifak dari tamadun Jepun mendapat pengiktirafan daripada bangsa-bangsa lain sebagai sesuatu yang bermutu dan bernilai. Keadaan itu juga adalah kesan daripada pengaplikasian semangat *bushido* yang mementingkan persoalan disiplin diri, ketelitian dan keterperincian masyarakat Jepun. Sikap seumpama ini telah mempengaruhi penghasilan teknologi Jepun yang moden. Contohnya penghasilan barang komputer. Penyelidik teknologi Jepun lebih cenderung untuk menjadikan barang tersebut lebih kecil dan mudah di bawa. Pengeluran CD dan disket juga semakin menular kini dan ia juga menjadi teknologi yang bermutu kerana saiznya yang kecil dan mampu menyimpan data yang lebih banyak.

Di dalam kesenian pula, penerapan sikap orang Jepun yang begitu teliti dan berseni dapat dilihat dalam penghasilan pokok-pokok *bonsai* yang begitu berharga kini. Jelasnya semangat *bushido* masih kekal di dalam sanubari orang Jepun kini.

5.1. Penilaian Terhadap Masa Depan Bushido

Hari ini gejala modeniti barat yang negatif telah semakin menular ke serata dunia. Contohnya seperti penekanan terhadap konsep sekularisme di dalam aspek kehidupan, sifat materialistik, individualistik dan sebagainya telah menyelinap ke dalam pelbagai peradaban di dunia ini. Jepun yang telah mengamalkan dasar buka pintunya sejak zaman pemulihan Meiji telah tidak terkecuali di dalam menerima gejala tersebut. Kemasukan orang luar ke Jepun terutamanya bangsa barat, sekali gus telah juga mendedahkan peradaban Jepun kepada pengaruh luar yang negatif. Contohnya, sifat individualistik yang ada di dalam diri setiap bangsa barat turut mempengaruhi bangsa Jepun terutamanya

di kalangan generasi muda. Keadaan ini adalah bertentangan dengan sifat *bushido* yang mereka warisi iaitu taat setia kepada ketua, keluarga dan negara. Menurut ajaran Shinto, sifat mementingkan diri sendiri juga adalah amat keji bagi seorang manusia. Sehubungan dengan itu, perangkap modeniti yang negatif telah juga mempengaruhi aspek kehidupan bangsa Jepun dengan menipiskan pegangan terhadap semangat *bushido* yang mereka warisi.

Buktinya, golongan remaja Jepun kini sudah mulai mengalami masalah keruntuhan akhlak sebagaimana negara-negara moden yang lain. Orang Jepun telah beransur-ansur hilang kesopanan dan kesederhanaannya apabila budaya hidup mereka mulai diselubungi dengan sifat materialistik dan individualistik. Di samping itu, pengaruh sekularisma juga telah menular ke dalam sistem birokrasi di Jepun.

5.1.1 Cabaran-cabaran Terhadap Masa Depan Bushido

Terdapat tujuh cabaran yang telah menggugat kesuburan semangat *bushido* di Jepun.

- a. Kemegahan dan kekuatan zaman baru bermula di era pemulihan Meiji hanya mementingkan persoalan kemajuan dalam ekonomi. Di zaman moden pula, nilai kemanusiaan telah semakin berkurangan apabila dibandingkan dengan nilai kekuasaan dan kewangan.

- b. Tiada organisasi yang menaungi *bushido*. Dalam organisasi militeri sekarang mungkin dapat menerima *bushido* di bawah naungannya kerana sifat kepahlawanan yang sama tetapi kaedah peperangan moden telah tidak memberi ruang kepada kod *bushido* untuk terus berkembang.
- c. Shintoisme pula yang telah memupuk *bushido* pada peringkat awal, sudah mulai hilang pengaruhnya. Ajaran pendeta China kuno pula telah digantikan dengan keintelektualan moden yang lebih canggih berdasarkan kepada sains dan teknologi. Menurut kata Veblen ; “Kemerosotan kod hulubalang di kalangan masyarakat industri adalah kesan buruk yang dibawa oleh modenisasi”.
- d. Prinsip demokrasi yang mendapat keutamaan dalam sistem kenegaraan Jepun telah mengecam sebarang bentuk persekutuan seperti *bushido* yang hanya dikelolakan oleh orang yang ingin memonopoli intelektual dan budaya.
- e. Masyarakat pula semakin bersikap antagonistik terhadap semangat kelas dan kesateriaan kerana masyarakat moden lebih mementingkan keamanan dan perpaduan. Mereka tidak dapat menerima obligasi yang bersifat peribadi yang diwujudkan untuk kepentingan kelas yang tersendiri.

- f. Budi pekerti hulubalang pula kian lenyap kerana dihimpit oleh golongan yang yang mendapat pendidikan bercorak popular, mahir dalam teknologi moden, hidup mewah dan mengecapi pembangunan hidup di bandar yang pesat. Golongan seperti ini menganggap *bushido* adalah warisan yang telah lapuk dan ketinggalan zaman, lantas terus mengabaikannya.
- g. Sejarah juga telah membuktikan bahawa negara yang dibina di atas bahu kehormatan dan diperkuuh dengan nilai keperwiraan tidak akan berkekalan. Hakikatnya Rom yang dibina di atas budi pekerti perang telah lenyap dari muka bumi.

Berdasarkan huraiyan ringkas terhadap tujuh cabaran di atas, maka dapatlah dikatakan bahawa semangat *bushido* di Jepun akan berkubur tidak lama lagi. Apatah lagi *bushido* tidak mempunyai formula tertentu untuk dipertahankan. Ia boleh hilang seperti bunga ceri yang gugur di Jepun. Walaupun tenaga dan kekuatan semangat *bushido* masih dirasai di Jepun malah masih menjadi saluran dalam hidup bangsa Jepun, namun langkah tertentu perlu dilaksanakan bagi memastikan semangat dari sistem etik ini berterusan sehingga ke zaman yang akan datang kerana ia adalah jiwa bangsa Jepun. Tanpanya, bangsa Jepun akan kehilangan identiti.

Untuk memastikan warisan yang membentuk identiti Jepun ini terus kekal, maka ia perlulah diterapkan ke dalam sistem pendidikan moden sebagai satu matapelajaran wajib bagi anak-anak Jepun. Penekanan terhadap pendidikan tamadun perlu diberikan agar generasi muda menyedari tentang kewujudan warisan bangsanya dari peradaban silam.

Bangsa-bangsa lain yang turut mengagumi nilai moral dan budaya hidup orang Jepun yang dikatakan menjadi faktor utama ke arah kemajuan bangsa dan negaranya juga perlu mendalami aspek atau ciri-ciri yang terdapat di dalam peradaban Jepun itu sendiri. Menurut Karl Lowith iaitu seorang ahli falsafah Jerman mengatakan :

“ Orang Yunani purba sedar akan diri mereka sebagai bangsa yang unik apabila mereka mengetahui bahawa mereka berbeza dari bangsa yang lain. Oleh itu, kita lazimnya cenderung untuk menyedari akan ciri dan cara hidup kita sendiri hanya apabila kita membandingkan diri kita dengan orang lain. Maka orang yang tidak berhubung dengan bangsa asing tidak akan mengetahui tentang watak mereka sendiri. Membandingkan diri kita dengan orang lain boleh menimbulkan kritikan diri. Dengan kata lain, kita akan menjadi jahil dan alpa tentang diri sendiri jika lau kita tidak mengenal cara hidup orang lain.”

5.2 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, semangat *bushido* telah menyumbang ke arah pembentukan identiti budaya bangsa Jepun yang telah menjadi aset kepada kejayaan negara Jepun dari pelbagai aspek pada hari ini. Walaupun semangat *bushido* masih hidup di dalam sanubari orang Jepun, namun jika tidak diberi perhatian oleh generasi baru, maka pastinya ia akan berkubur sebagaimana berkuburnya sistem feudalisme di Jepun.

Nota hujung

¹ Inazo Nitobe, *Bushido: Jiwa negara Jepun*, (terj) Wong Seng Tong, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hlm 127-133

² Eiichiro Ishida, Budaya Jepun : Kajian tentang asal-usul dan ciri, (terj) Mokhtar Ahmad, Pustaka Cipta Sdn Bhd, 1986, hlm 3